



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PEGUAM NEGARA

# KENYATAAN MEDIA

## PENDAKWA RAYA LWN DATIN SERI ROSMAH BINTI MANSOR

Pada 19 Disember 2024, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah membenarkan permohonan Datin Seri Rosmah Binti Mansor untuk membatalkan kesemua tujuh belas (17) pertuduhan yang dipertuduhkan ke atas beliau iaitu sembilan (9) pertuduhan di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama, dan lapan (8) pertuduhan di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

Mahkamah seterusnya memerintahkan Datin Seri Rosmah Binti Mansor dilepaskan dan dibebaskan daripada kesemua tujuh belas (17) pertuduhan tersebut.

Susulan itu, Notis Rayuan telah difailkan oleh Pendakwa Raya pada hari ini terhadap keseluruhan keputusan Mahkamah Tinggi tersebut.

**PEGUAM NEGARA MALAYSIA**

**20 Disember 2024**